

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)

TARIKH: 6 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 22

Pembakaran terbuka hasilkan gas beracun

MASALAH pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah sudah banyak diceritakan dan menghasilkan gas beracun yang boleh mengancam kesihatan manusia daripada embrio dalam kandungan, bayi dan dewasa.

Banyak kajian menerangkan bahan kimia hasil pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah mencemarkan susu ibu dan memberi kesan kepada kesihatan manusia.

Selain itu, tapak pelupusan sampah memberikan keadaan tidak selesa seperti banyak serangga, tikus, bau busuk, dan pencemaran air.

Penambahbaikan sistem kutipan, pengurusan dan

pelupusan sampah antara strategi penting yang boleh membantu meningkatkan kualiti cuaca dan kesihatan.

Kawalan penghasilan gas seperti metana sangat penting dalam pemanasan global, kesan rumah hijau dan perubahan cuaca.

Dengan teknologi yang baik, pemulihan 90 peratus gas metana boleh dicapai dan digunakan untuk tenaga.

Jurnal Teknologi 2013 membincangkan tentang cabaran pengurusan sisa pepejal di Malaysia dari mendapati penggunaan tapak pelupusan adalah tidak cekap dan tidak lestari serta boleh memberi banyak masalah kesihatan, alam sekitar dan

keselesaan manusia.

Cadangan Malaysia untuk mengurangkan 40 peratus sisa pepejal ke tapak pelupusan dan mengurangkan gas rumah hijau daripada sisa pepejal akan tercapai sekiranya menggunakan teknologi baharu pelupusan sampah.

Banyak laporan mengenai pengeluaran sisa pepejal yang semakin bertambah.

Selain sisa pepejal domestik dan kilang, sisa rokok juga banyak menyumbang kepada sisa pepejal. Kira-kira 6.5 trilion rokok setiap tahun dan 18 bilion setiap hari dibuang di seluruh dunia. Penapis rokok dibuat daripada plastik *cellulose acetate*, apabila dibuang bukan sahaja plastik

tetapi juga nikotin, logam berat dan banyak lagi bahan kimia yang mencemar alam sekitar turut dibuang.

Mungkin pada kotak rokok patut ditulis perkataan jangan buang plastik dan puntung rokok merata-rata, bukan setakat perkataan membahayakan kesihatan. Kesedaran kepada perokok juga penting tentang kirisir sisa plastik global.

Masyarakat mesti sedar walaupun mereka membayar cukai kepada kerajaan tempatan, tidak semestinya pihak kerajaan tempatan mengambil tanggungjawab sepenuhnya dalam pengurusan sampah dari rumah.

Daripada cukai yang dibayar

sudah tentu masyarakat mengharap banyak perkhidmatan lain selain daripada menguruskan sampah di rumah. Mungkin masyarakat umum perlu mengambil langkah mengurangkan pembuangan sampah dan kalau boleh tidak membawa sampah pulang ke rumah.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) juga perlu mencari kaedah terbaik dalam mendidik masyarakat mengurangkan sampah melalui pelbagai kaedah pengurusan dan ganjaran sebagai pengiktirafan kepada masyarakat yang terbaik menguruskan sisa pepejal di peringkat sumber.